

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/7.2025

**The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning and
Warranty of The Precision Air Conditioning (PAC) for The Government at
E-Government National Centre Data Centre, Brunei Darussalam**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran ini dibukakan kepada semua syarikat atau Perusahaan **tempatan** yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Untuk menyertai tawaran ini, mana-mana syarikat atau perusahaan hendaklah terlebih dahulu **melengkapkan Borang Pembelian Tawaran** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Kebangsaan E-Kerajaan <https://www.egnc.gov.bn/SitePages/Tender.aspx>
3. **Borang yang telah lengkap diisi** hendaklah dihadapkan ke Jabatan ini melalui emel kepada tender@egnc.gov.bn
4. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk membuat pembelian bagi tawaran ini hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran dan e-dokumen tawaran yang berjumlah **\$105.00 (tidak dikembalikan) melalui online transfer.**
5. **Nombor akaun akan diberikan melalui emel** setelah borang di atas diterima dengan lengkap.
6. Bagi **Syarikat atau perusahaan yang telah membuat pembelian tawaran sahaja** :
 - a. Salinan asal resit pembayaran, e-dokumen tawaran, dan Borang Pendaftaran Sesi Penerangan akan diberikan Selepas pembayaran diterima.
 - b. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada hari **Rabu, 13 Ogos 2025** di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan pada **jam 2:30 petang** dan terhad kepada **tiga (3) orang wakil sahaja bagi setiap syarikat.**
7. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui e-mel tender@egnc.gov.bn
8. **Tawaran (Proposal)** hendaklah dihantar dalam **sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi.**

Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/7.2025

**The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning and
Warranty of The Precision Air Conditioning (PAC) for The Government at**

E-Government National Centre Data Centre, Brunei Darussalam

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang** pada hari **Selasa, 16 September 2025**.

9. Tawaran-tawaran yang diterima **lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.**
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.